

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : Y.B. DATO' HASBULLAH BIN OSMAN
[GERIK]

SOALAN NO. 169

Y.B. DATO' HASBULLAH BIN OSMAN [GERIK] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan hasil laporan berkaitan dengan kes kecurian atau rompakan wang input GST serta adakah Kerajaan berhasrat untuk menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) bagi menjalankan siasatan terhadap isu tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) telah mengeluarkan laporan berhubung tuntutan tunggakan bayaran balik cukai barang dan perkhidmatan (GST) berjumlah RM19.4 bilion pada 15 Julai 2019. PAC dalam laporannya telah mengesahkan bahawa terdapat beberapa ketidakpatuhan dalam bayaran balik GST:

- i) Adalah amat jelas, Akta GST telah dilanggar seperti yang dimaklumkan oleh Peguam Negara kepada pihak PAC. Akta GST memerlukan kutipan GST dimasukkan ke dalam Akaun Bayaran Balik GST bagi membolehkan bayaran balik GST dibuat dalam masa 14 hari bekerja. Akan tetapi, ini telah gagal dilakukan seperti yang diperuntukkan oleh Akta GST. Sebaliknya, kutipan GST telah dimasukkan terus ke dalam Akaun Hasil

Disatukan. Peguam Negara menyatakan amalan ini menyalahi prinsip asas undang-undang amanah dan keperluan perakaunan amanah, serta tidak selaras dengan peruntukan Seksyen 54(2) dan Seksyen 54(5) Akta GST 2014.

- ii) Kutipan GST milik pembayar cukai yang dimasukkan terus ke dalam Akaun Hasil Disatukan telah digunakan oleh Kerajaan terdahulu untuk tujuan lain, dan seterusnya mengakibatkan kelewatan dalam membayar balik bayaran balik GST. Hanya sebahagian daripada kutipan GST (kira-kira 35% daripada jumlah kutipan GST) telah dipindahkan ke Tabung Bayaran Balik GST.

Rumusan laporan PAC menunjukkan bahawa Kerajaan terdahulu telah menggunakan kutipan GST untuk tujuan lain, dan seterusnya menyebabkan kekurangan dana sebanyak RM19.25 bilion. Ini kerana Tabung Bayaran Balik GST setakat 31 Mei 2018 hanya mempunyai RM150 juta. **Seperti yang dinyatakan oleh Jabatan Akauntan Negara dalam laporan PAC, RM19.4 bilion yang sepatutnya digunakan untuk membuat pembayaran balik GST telah dibelanjakan untuk membiayai perbelanjaan mengurus dan pembangunan, sedangkan Jabatan Kastam DiRaja Malaysia mengakui bahawa RM19.4 bilion masih lagi tidak dibayar akibat dana yang tidak mencukupi dalam Tabung Bayaran Balik GST.**

Dalam hal ini, PAC telah mengesyorkan dua langkah berkaitan:

- i) Pentadbiran Kerajaan perlu memastikan pematuhan penuh undang-undang negara khususnya dalam pelaksanaan tatacara kewangan supaya sistem pentadbiran kewangan lebih teratur dan berakauntabiliti.
- ii) Pegawai-pegawai Kerajaan yang telah diamanahkan perlu sentiasa menasihati pentadbiran Kerajaan tentang undang-undang, prosedur dan maklumat perangkaan tanpa perlu ada rasa gentar atau pilih kasih (*without fear or favour*), terutamanya dalam mengamalkan perancangan aliran tunai dan disiplin kewangan yang lebih berakauntabiliti.

Kementerian Kewangan akan menghormati kedua-dua syor utama PAC ini bagi memastikan segala pelanggaran undang-undang dan ketidakpatuhan peraturan kewangan mengenai wang bayaran balik GST oleh kerajaan terdahulu tidak akan berulang lagi.